AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2021

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuat kuasa Dan Pemakaian 3
2. Tafsiran 3

BAHAGIAN II
SYARAT KEMASUKAN

3. Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah 6
4. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti 7

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN

5. Pendaftaran Sebagai Pelajar Baharu Program Pengajian Ijazah 7
6. Pendaftaran Kursus 8
7. Pendaftaran Serentak 8
8. Pertukaran Program Pengajian 8

BAHAGIAN IV
BAYARAN

9. Yuran dan Bayaran Lain 8
10. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran Lain 8
11. Tempoh Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain 8
12. Kegagalan Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain 9

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

13. Tempoh Program Pengajian Ijazah 9
14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah 9
15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar 9

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

16.	Struktur Program Pengajian Ijazah	10
17.	Komponen Program Pengajian Ijazah	10
18.	Penilai Luar Program	10
19.	Pemeriksa Luar Program	11

BAHAGIAN VII
SISTEM *MENTOR-MENTEE*

20.	Fungsi dan Perjumpaan *Mentor - Mentee*	11

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

21.	Jenis Penilaian	11
22.	Jawatankuasa Pemeriksa	12

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

23.	Syarat Pengijazahan	12

BAHAGIAN X
AM

24.	Penamatan Status Akademik Pelajar	13
25.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	13
26.	Pengecualian Pemakaian	13
27.	Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	13
28.	Pembatalan	13

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2021

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [*P.U. (A) 444/2010*] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuat kuasa Dan Pemakaian

(1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2021 dan hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2021/2022.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian mulai Sesi Akademik 2021/2022 dan seterusnya.

(3) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

"bilik peperiksaan" ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

"bukan warganegara" ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

"Bursar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Pergigian Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(4) Perlembagaan;

"Fakulti" ertinya Fakulti Pergigian Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan;

"Guru" ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor,

reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah dan guru bahasa;

“Ijazah” ertinya Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;

“Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuklah mana-mana Bahagian Pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan pelajar dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan- Peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu Semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Kalendar Pengajian Ijazah” ertinya tempoh pengajian Ijazah yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu Sesi Akademik yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Penyelaras Program di mana berkenaan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu dalam Kursus Universiti;

“klinikal” ertinya program latihan *hands on* yang melibatkan rawatan langsung pesakit oleh pelajar dengan penyeliaan staf akademik bagi komponen yang berkenaan dan tertakluk kepada syarat atau keperluan yang ditetapkan oleh setiap komponen;

“komponen” ertinya sebahagian daripada pengajian, latihan atau penilaian yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, yang menyumbang gred kepada program pengajian Ijazah;

“koordinator” ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu disiplin / modul bagi program Ijazah.

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu sesi, yang menyumbang gred kepada program pengajian Ijazah;

“kursus teras” ertinya komponen dan latihan pengajian yang ditentukan oleh Fakulti sebagai komponen yang wajib diikuti oleh pelajar;

“kursus Universiti/kursus Umum” ertinya kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam silibus Mata Pelajaran Umum (MPU) dan kursus umum yang ditetapkan oleh Universiti (jika ada) yang wajib diikuti oleh setiap pelajar;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian Ijazah;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengawas” ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“Penyelaras Program” ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

“Peperiksaan Profesional” ertinya peperiksaan yang ditetapkan untuk program pengajian Ijazah seperti yang diperuntukkan di Kaedah 21;

“Peperiksaan Profesional (Tambahan)” ertinya peperiksaan yang perlu diduduki semula oleh pelajar selepas gagal mana-mana Peperiksaan Profesional tahun berkenaan.

“Peperiksaan Profesional Semula (Utama)” ertinya peperiksaan yang perlu diduduki oleh pelajar yang mengulang semula tahun pengajian selepas gagal mana-mana Peperiksaan Profesional (Tambahan).

“Peperiksaan Profesional Semula (Tambahan)” ertinya peperiksaan yang perlu diduduki semula oleh pelajar selepas gagal Peperiksaan Profesional Semula (Utama).

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U.(A)444/2010];

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus, komponen dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan ijazah;

“program profesional” ertinya program pengajian yang memerlukan pengiktirafan atau yang diiktiraf oleh sesebuah badan profesional;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 22 Perlembagaan;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada Semester Biasa dan Semester Khas;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian bagi program pengajian Ijazah yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Struktur Pengajian Ijazah” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit dan/atau Masa Pembelajaran Pelajar yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan Ijazah;

"Sesi Kemasukan" ertinya sesi bila mana seseorang pelajar diterima masuk ke program pengajian Ijazah;

"Tahun Kalendar" ertinya jangka waktu (masa) yang lamanya dua belas (12) bulan (Januari-Disember);

"Tahun pengajian" ertinya tahun pengajian bagi program pengajian Ijazah yang terdiri daripada Tahun Satu (1), Tahun Dua (2), Tahun Tiga (3), Tahun Empat (4) dan Tahun Lima (5); dan ia dikategorikan sebagai Pra-Klinikal (merujuk kepada Tahun Satu (1), Tahun Dua (2); dan Klinikal (Tahun Tiga (3), Tahun Empat (4) dan Tahun Lima (5);

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"Timbalan Dekan Ijazah Dasar" ertinya Timbalan Dekan yang dilantik oleh Universiti dan bertanggungjawab bagi urusan program pengajian Ijazah.

"Universiti" ertinya Universiti Malaya.

"Warganegara" ertinya warganegara Malaysia

BAHAGIAN II
SYARAT KEMASUKAN

3. Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah

(1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah hendaklah:

(a) memenuhi keperluan syarat am Universiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan syarat khas program pengajian Ijazah yang ditetapkan oleh Senat;

(b) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;

(c) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Kesihatan Universiti Malaya mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan

(d) telah memenuhi semua keperluan imunisasi yang telah ditetapkan bagi program akademik secara klinikal dan bukan klinikal yang melibatkan *aktiviti klinikal; dan

*bagi maksud sub-kaedah (d) di atas, aktiviti klinikal adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Vaksinasi Universiti Malaya.

(e) membayar yuran ditetapkan.

(2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti bagi program pengajian Ijazah serta memenuhi subkaedah (1) di atas.

(3) Kemasukan bagi program pengajian Ijazah adalah pada permulaan setiap sesi akademik.

(4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu sesi akademik yang ditetapkan.

4. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti

(1) Pelajar Program Mobiliti ialah pelajar daripada luar Universiti yang diluluskan untuk kursus-kursus tertentu di Universiti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian Universiti.

(2) Kemasukan Pelajar Program Mobiliti hendaklah atas budibicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III
PENDAFTARAN

5. Pendaftaran Sebagai Pelajar Baharu Program Pengajian Ijazah

(1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2021.

(2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah di atas adalah pelajar Universiti dan digelar pelajar program berkenaan. Nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti.

(3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal berbuat demikian, namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar serta terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.

(4) Penangguhan pendaftaran program pengajian pelajar baharu hanya boleh dipertimbangkan atas sebab perubatan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian Ijazah yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada Sesi Akademik berikut yang berkenaan.

(5) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar sekiranya pada pandangan Senat pelajar tersebut atas sebab- sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajian Ijazahnya dan nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan dan ditamatkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (4) ini adalah muktamad.

6. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus pada setiap semester. mengikut syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini

7. Pendaftaran Serentak

(1) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma/ijazah pertama/ijazah tinggi di Universiti, sama ada di Universiti atau di institusi atau universiti lain.

(2) Walau apa pun yang dinyatakan di dalam subkaedah (1) di atas, pelajar dibenarkan mendaftar serentak dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah.

(3) Mana-mana pelajar yang didapati melanggar subkaedah (1) di atas boleh ditamatkan daripprogram pengajiannya tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang telah dibayar.

8. Pertukaran Program Pengajian

(1) Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian yang ditawarkan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.

(2) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas, dalam keadaan tertentu seseorang pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan pertukaran program pengajian tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan- Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV
BAYARAN

9. Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang dperuntukkan dalam Peraturan- Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2021.

10. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

11. Tempoh Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah membayar semua yuran pengajian dan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

12. Kegagalan Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaan:

(1) dihalang daripada mendapat keputusan Peperiksaan Profesional pada Sesi Akademik berkenaan;

(2) dihalang daripada mendaftar kursus pada Sesi Akademik berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan; dan/atau

(3) dihalang daripada dikurniakan Ijazah.

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

13. Tempoh Program Pengajian Ijazah

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajian Ijazahnya dalam tempoh yang ditetapkan.

14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah

(1) Tempoh minimum bagi program pengajian Ijazah ialah lima (5) tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:

(a) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Satu (1) dan Tahun Dua (2) dalam tempoh dua (2) tahun; dan

(b) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Tiga (3), Tahun Empat (4) dan Tahun Lima (5) dalam tempoh tiga (3) tahun.

(2) Tempoh maksimum bagi program pengajian Ijazah ialah lapan (8) tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:

(a) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Satu (1) dan Tahun dua (2) dalam tempoh tiga tahun; dan

(b) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Tiga (3), Tahun Empat (4) dan Tahun Lima (5) dalam tempoh lima (5) tahun.

15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 atau yang terbaharu tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian Ijazahnya.

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

16. Struktur Program Pengajian Ijazah

(1) Program pengajian Ijazah merupakan program pengajian selama lima tahun yang dibahagikan kepada Tahun Satu (1), Tahun Dua (2), Tahun Tiga (3), Tahun Empat (4) dan Tahun Lima (5) yang mengandungi kursus Sains Asas dan Sains Pergigian.

(2) Melainkan seperti diperuntukkan di subkaedah (3) di bawah, tiada seseorang pelajar akan dianggap sebagai memenuhi keperluan program pengajian Ijazah kecuali pelajar tersebut telah menyempurnakan dengan memuaskan Senat kursus pengajian dan latihan praktikal/klinikal sepertimana ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Atas perakuan Fakulti, Senat boleh mengecualikan seseorang pelajar dari kehadiran dan menduduki peperiksaan dalam mana-mana atau semua kursus untuk Peperiksaan Profesional Tahun Satu (1) dan/atau Peperiksaan Profesional Tahun Dua (2), berdasarkan merit setiap kes. Walau bagaimanapun seseorang pelajar yang diterima masuk terus ke Tahun Dua (2), Tahun Tiga (3) atau Tahun Empat (4) program pengajian Ijazah boleh dikecualikan daripada mana-mana kursus bagi tahun pengajian berkenaan tertakluk kepada Fakulti berpuashati bahawa ia telah memenuhi kehendak kursus berkenaan terlebih dahulu.

17. Komponen Program Pengajian Ijazah

(1) Program pengajian Ijazah hendaklah mengandungi dua (2) komponen kursus, iaitu Kursus Universiti dan Kursus Teras.

(2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1), mana-mana program pengajian yang mempunyai standard program Agensi Kelayakan Malaysia atau standard badan profesional, program berkenaan hendaklah tertakluk kepada pematuhan keperluan yang ditetapkan.

18. Penilai Luar Program

Penilai Luar Program bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan jawatankuasa khas bagi:

(1) memastikan sesuatu program pengajian yang ditawarkan adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia;

(2) mengesahkan bahawa program pengajian menepati tahap dan keperluan standard program yang ditetapkan;

(3) memastikan kaedah penaksiran dan penilaian adalah bersesuaian, adil dan munasabah serta dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti; dan

(4) menjamin kualiti program akademik.

19. Pemeriksa Luar Program

Pemeriksa Luar Program diperlukan untuk membantu Universiti:-

(1) Memastikan sesuatu program profesional yang ditawarkan adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia;

(2) Memastikan kaedah penilaian yang dilaksanakan adalah sejajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menepati tahap dan standard program;

(3) Mengesahkan bahawa sistem penilaian program adalah satu sistem yang boleh dipercayai, sah dan adil; dan

(4) Mencadangkan langkah penambahbaikan kualiti bagi program profesional.

BAHAGIAN VII
SISTEM MENTOR-*MENTEE*

20. Fungsi dan Perjumpaan *Mentor - Mentee*

(1) Setiap pelajar disediakan seorang *Mentor* daripada kalangan pensyarah dalam bidang pengajian pelajar untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya dengan cara:

(a) memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan kemajuan pengajian.

(b) memberikan nasihat kepada pelajar dalam mengatasi masalah lain selain daripada di atas.

(2) Setiap pelajar hendaklah berjumpa dengan *Mentor* sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setiap sesi akademik seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

21. Jenis Penilaian

(1) Penilaian bagi program pengajian Ijazah yang boleh dibuat secara ujian bertulis, ujian lisan, penilaian praktikal, penilaian klinikal, tugasan kursus, penilaian kekompetenan, peperiksaan akhir serta kaedah penilaian lain seperti yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.

(2) Bagi maksud subkaedah (1) di atas, kursus teras program pengajian ijazah hendaklah dinilai melalui peperiksaan seperti berikut:

(a) Peperiksaan Profesional Tahun Satu (1);

(b) Peperiksaan Profesional Tahun Dua (2);

(c) Peperiksaan Profesional Tahun Tiga (3);

(d) Peperiksaan Profesional Tahun Empat (4); dan

(e) Peperiksaan Profesional Tahun Lima (5)

22. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap Peperiksaan Profesional program pengajian Ijazah yang dinyatakan di Kaedah 21(2) di atas.

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

23. Syarat Pengijazahan

(1) Pelajar boleh dianugerahkan Ijazah yang berkenaan tertakluk kepada pelajar telah:

(a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;

(b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Ijazah dan diluluskan oleh Senat; dan

(c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(2) Universiti berhak menahan penganugerahan ijazah sekiranya pelajar gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.

(3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang pelajar, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan ijazah seseorang pelajar jika Universiti berpuas hati bahawa pelajar tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:

(a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; atau

(b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

BAHAGIAN X
AM

24. Penamatan Status Akademik Pelajar

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar- Pelajar) 1999 atau yang terbaharu yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

25. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

26. Pengecualian Pemakaian

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah- Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

27. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan- peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang terbaharu.

28. Pembatalan

Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2011 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 12.08.2021

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya